

Ruj. : MBOT. 600-7/1/3 (12)
Tarikh : 1 Julai 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Ts./Tc./Dr./Tuan/Puan,

PENDIRIAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT) BERKENAAN AKREDITASI PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. MBOT mengambil maklum berkenaan pemakluman oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) rujukan MQA.100-1/3/2(5) bertarikh 13 Mei 2024 kepada semua institusi pengajian tinggi. MBOT berpendirian bahawa MQA telah membuat keputusan di luar bidang kuasa dengan menetapkan permohonan baharu dan pembaharuan program teknologi kejuruteraan mesti diakreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), serta keputusan tersebut telah dibuat tanpa perundingan dengan pihak MBOT.

3. Selain itu, pemakluman tersebut telah menyatakan "Di bawah Seksyen 10C(1) dan 10(E), hanya individu yang mempunyai kelayakan dari program diploma kejuruteraan, diploma dan sarjana muda teknologi kejuruteraan yang diiktiraf LJM yang layak berdaftar sebagai Teknologis Kejuruteraan dan Juruteknik Kejuruteraan". MBOT mendapati, kenyataan tersebut adalah tidak bertepatan dengan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) berikutan Seksyen 10(C)(1) menyatakan "*A person who holds **any qualification** which is recognized by the Board shall be entitled on application to be registered as an **Engineering Technologist***" dan Seksyen 10(E) menyatakan "*A person who holds **any qualification** which is recognized by the Board shall be entitled on application to be registered as an **Inspector of Works***". Ini bermakna, Akta 138 tidak memperuntukan secara spesifik kelayakan teknologi kejuruteraan serta tiada sebarang peruntukan bagi pendaftaran sebagai Juruteknik Kejuruteraan,

peruntukan bagi pendaftaran sebagai Juruteknik Kejuruteraan, berbanding Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768) yang secara spesifik memperuntukan kepada MBOT bagi mendaftarkan teknologis dan juruteknik.

4. Selaras dengan pendirian ini, MBOT telah mengemukakan pendirian secara rasmi kepada MQA bagi mengekalkan kebebasan kepada institusi pengajian tinggi untuk memilih sama ada diakreditasi oleh MBOT atau BEM; atau kedua-duanya sekali seperti yang dipraktikkan sebelum ini. Oleh yang demikian, MBOT masih menerima permohonan baharu dan pembaharuan program teknologi kejuruteraan daripada institusi pengajian tinggi.

Segala perhatian dan kerjasama terhadap pemakluman ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.



(PROF. DATUK TS. IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR, FASc.)

Presiden

Lembaga Teknologis Malaysia